

21 JUN 2002

Umno-Politik (Rangkuman)

KEKECEWAAN DR MAHATHIR TERHADAP ORANG MELAYU MENDAPAT PERHATIAN

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Rasa prihatin Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad betapa perlunya orang Melayu mengubah sikap dan pemikiran untuk menghadapi cabaran, menjadi fokus utama perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putera di sini, hari ini.

Beberapa wakil yang menyertai perbahasan usul menyokong ucapan Presiden Umno, menggunakan pelbagai aksi mengajak perwakilan membuka minda bagaimana orang Melayu mampu menjadi bangsa yang bermaruah, berdaya saing dan tidak bergantung kepada subsidi kerajaan.

Perhimpunan yang masuk hari kedua hari ini turut mencipta sejarah dengan mengiktiraf Dr Mahathir sebagai seorang pejuang bangsa Melayu apabila semua perwakilan bangun sejenak untuk memberi penghormatan kepadanya dengan tepukan gemuruh.

"Kalau tuan-tuan sudi pada pagi Jumaat ini kita pakat bangun beri penghormatan kepada Yang Amat Berhormat (Perdana Menteri)," kata wakil Umno Kedah Datuk Badruddin Amiruldin.

Badruddin yang saban tahun berucap pada perhimpunan agung dan tidak asing lagi kepada perwakilan kerana teguran dan cerita-cerita lucunya, membawa perwakilan untuk merenung jasa-jasa Dr Mahathir terhadap bangsa Melayu dan peranannya di arena antarabangsa.

"Datuk Seri Presiden, Rasulullah berjuang walaupun macam-macam orang buat dekat dia (Rasulullah), dia sabar Insya Allah akhirnya dia berjaya," katanya sambil menyatakan harapan supaya Dr Mahathir tidak mudah kecewa dalam memperjuangkan nasib bangsa Melayu.

Badruddin berkata: "Saya bagi pihak semua perwakilan dan anggota Umno, merayu Datuk Seri jangan cepat patah hati, kami tidak akan biarkan...orang buat dua seduit kepada Datuk Seri, kami tak biar, hatta kalau dalam Umno mereka buat loqlaq, siap depa".

Beliau meminta anggota Majlis Tertinggi (MT), Pemuda, Wanita dan Puteri Umno serta semua anggota parti mempertahankan Dr Mahathir apabila pihak pembangkang membuat serangan terhadap beliau.

Wakil Umno Melaka Hasnul Sidang Hussein berkata Perdana Menteri tidak perlu menyatakan kekesalan beliau kerana yang lebih bersalah adalah pemimpin-pemimpin Umno lain yang gagal merealisasikan hasrat murni Dr Mahathir.

Yang jelas, katanya, kepimpinan Dr Mahathir telah banyak mendatangkan kejayaan kepada bangsa Melayu.

Perhimpunan itu juga meminta pemimpin Umno termasuk anggota MT tidak mencari kesalahan sesama sendiri dengan mendedahkan kelemahan itu kepada umum kerana ia akan menjejaskan parti.

Sebaliknya jika mereka tidak puas hati, ia perlu dikemukakan mengikut saluran yang betul untuk diselesaikan.

"Jangan kita buat tak tentu arah, orang baca surat khabar, orang akan kata, tengok Umno sembang kuat, dok bercakap hang aku. Malu," kata Badruddin.

Pada sebelah petang, Pengerusi Tetap Tun Sulaiman Ninam Shah mencerikan suasana serius dalam dewan dengan mengumumkan keputusan perlawanan bola sepak Piala Dunia yang berakhir dengan Brazil mengalahkan England 2-1.

Perwakilan memberikan tepukan gemuruh apabila Sulaiman memberitahu pasukan yang diminatinya itu telah menang.

--BERNAMA

BD NH AZE JM ZS MOZ